

SKEMA JAWAPAN
PEPERIKSAAN PERCUBAAN SEJARAH KERTAS 2 SPM, SABAH (2022)

Soalan		Butiran	Markah
1 (a)		Siapakah pihak yang menguasai Tanah Melayu dalam jangka masa 14 hari tersebut?	
	F1	Bintang Tiga	1
	F2	Parti Komunis Malaya	1
	F3	Malayan People's Anti-Japanese Army (MPAJA)	1
			[2m]
1 (b)		Bagaimanakah pemimpin di atas melindungi orang tempatan daripada tindakan pihak 1(a) tersebut?	
		Kiai Salleh	
	F1	Orang Melayu bersatu menentang Bintang 3 / PKM	1
	H1a	Membentuk Gerakan Fi-Sabilillah	1
	H1b	Kepimpinan ulama tempatan memberikan inspirasi kepada masyarakat Melayu	1
	H1c	Mempertahankan maruah bangsa /hak/harta/ kelangsungan hidup	1
	C1	Kiyai Salleh mempelopori penentangan di Johor	1
	H1d	Menubuhkan pasukan Tentera Selempang Merah	1
	H1e	Di Sungai Manik, Perak/Tuan Haji Bakri Hj Mohd Saman menjadi khalifah Parang Panjang	1
		Dato' Onn Jaafar	
	F2	Mempertahankan orang Melayu daripada ancaman Bintang Tiga	1
	H2a	Dilantik oleh Sultan Ibrahim untuk menamatkan kekacauan	1
	H2b	Pemimpin Melayu mengatur perundingan dengan ketua Bintang Tiga di Dewan Perniagaan Cina, Batu Pahat	1
	H2c	Kedua-dua pihak bersetuju menamatkan konflik	1
			[4m]
1 (c)		Apakah usaha-usaha dijalankan untuk memelihara keharmonian dalam kalangan masyarakat dunia pada ketika ini ?	
	F1	Membuat hubungan diplomatik dengan negara lain	1
	F2	Tidak campur tangan dalam hal dalaman negara lain	1
	F3	Bantuan kemanusiaan kepada negara yang dilanda musibah	1
	F4	Mengharamkan penggunaan senjata nuklear	1
	F5	Menyelesaikan sesuatu masalah dengan negara lain	1
	F6	Sentiasa membela negara yang ditindas oleh pihak lain	1
	F7	Menjalankan program-program seperti pertukaran pelajar	1
	F8	Menganjurkan acara sukan seperti Sukan Olimpik	1
		<i>[Mana-mana yang munasabah]</i>	[4m]

Soalan		Butiran	Markah
2 (a)		Nyatakan tiga persediaan fizikal yang dibuat oleh kerajaan bagi menyambut persediaan Pemasyhuran Kemerdekaan Negara pada 31 Ogos 1957.	
	F1	Pembinaan stadium	1
	F2	Lagu kebangsaan	1
	F3	Jata Negara	1
	F4	Bunga Kebangsaan	1
	F5	Bendera Persekutuan	1
	F6	Istana	1
			[3m]
2 (b)		Perihalkan peristiwa bersejarah yang berlaku pada 31 Ogos 1957, jam 8.15 pagi di Stadium Merdeka.	
	F1	Tunku Abdul Rahman melaungkan Merdeka sebanyak 7 kali dengan tangan ke udara	1
	F2	Dihadiri oleh hadirin daripada pelbagai bangsa	1
	F3	Uztaz Hassan Azhari melaungkan azan menunjukkan tanda syukur	1
	F4	Bendera Persekutuan Tanah Melayu dinaikkan	1
	F5	Lauangan lagu kebangsaan berkumandang	1
	F6	Tembakan 101 das dilepaskan	1
	F7	PTM menjadi negara yang berdaulat	1
			[3m]
2 (c)		Fahami petikan berikut. <p style="text-align: center;">“ Mulai 31 Ogos, 1957, (kita) akan menjadi sebuah negara berdaulat demokratik untuk selama-lamanya , yang dibina berdasarkan prinsip kebebasan dan keadilan sentiasa memperjuangkan kebebasan dan keadilan serta sentiasa memperjuangkan kebajikan dan kesejahteraan rakyatnya”</p> <p style="text-align: center;">– Tunku Abdul Rahman.</p> <p>Berikan ulasan anda berkaitan petikan di atas.</p>	
	F1	Negara bebas merdeka	1
	F2	Negara diperintah dengan acuan sendiri	1
	F3	Rakyat akan hidup dengan aman sejahtera	1
	F4	Hak rakyat terpelihara	1
	F5	Bebas daripada campur tangan asing	1
	F6	Kedaulatan negara dapat dilindungi	1
		<i>[Mana-mana yang munasabah]</i>	
		Ulasan : Calon dikehendaki mengulas petikan berkaitan detik kemerdekaan negara kita. Calon boleh mengolah jawapan yang diperolehi daripada petikan yang diberikan.	[4m]

Soalan	Butiran	Markah
3 (a)	<p>Apakah bidang kuasa bagi kerajaan berikut ?</p> <p>(i) Kerajaan Persekutuan</p> <p>F1 Hal Ehwal Luar Negeri</p> <p>F2 Pertahanan</p> <p>F3 Keselamatan dalam negeri</p> <p>F4 Pentadbiran Keadilan</p> <p>F5 Kewarganegaraan</p> <p>F6 Kewangan</p> <p>F7 Perhubungan dan pengangkutan</p> <p>F8 Pelajaran</p> <p>F9 Perubatan dan kesihatan</p> <p>(ii) Kerajaan Negeri</p> <p>F1 Undang-undang Islam</p> <p>F2 Tanah</p> <p>F3 Pertanian dan Perhutanan</p> <p>F4 Kerajaan tempatan</p> <p>F5 Hari kelepasan negeri</p> <p style="text-align: right;">(Mana-mana 2 x 1)</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[2m]</p>
3 (b)	<p>Berdasarkan soalan 3(a) mengapakah Perlembagaan Persekutuan mewujudkan pengagihan kuasa antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri ?</p> <p>F1 Melicinkan perjalanan sistem Persekutuan serta mengelakkan permasalahan antara kedua-dua peringkat kerajaan</p> <p>F2 Meningkatkan kecekapan tadbir urus dalam pentadbiran kerajaan supaya menjadi lebih berkesan dan sistematik</p> <p>F3 Mengekalkan keharmonian hubungan antara kedua-dua peringkat kerajaan</p> <p>F4 Mewujudkan Kerajaan Persekutuan yang kuat bagi menjamin kestabilan dan kemajuan negara</p> <p>F5 Mengekalkan kuasa raja-raja Melayu/ kedaulatan raja</p> <p>F6 Mengekalkan kedaulatan negeri</p> <p style="text-align: right;">(Mana-mana 4 x 1)</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[4m]</p>
3 (c)	<p>Kerajaan Tempatan merupakan pihak berkuasa yang telah diberi tanggungjawab bagi mengurus dan membangunkan sesebuah kawasan tempatan atau daerah kecil yang diwartakan. Bagaimanakah anda boleh membantu melicinkan peranan Kerajaan Tempatan di kawasan tempat tinggal anda ?</p> <p>F1 Menjelaskan cukai pintu yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Tempatan</p> <p>F2 Menggunakan segala kemudahan awam yang disediakan dengan bijaksana</p> <p>F3 Tidak membuang sampah merata-rata dan sentiasa menjaga kebersihan</p> <p>F4 Bekerjasama mengindahkan kawasan taman dan kemudahan awam yang disediakan</p> <p>F5 Mematuhi segala peraturan Pihak Berkuasa Tempatan</p> <p>F6 Mendapatkan kelulusan atau lesen untuk menjaja dan membuka premis perniagaan</p> <p>F7 Memastikan sistem perparitan di kawasan kediaman sentiasa berada dalam keadaan baik</p> <p>F8 Menyertai aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan tempat tinggal</p> <p><i>[Mana-mana yang munasabah]</i></p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[4m]</p>

Soalan		Butiran	Markah
4 (a)		<p>Nyatakan tiga langkah dalam memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.</p> <p>F1 Akta Bahasa Kebangsaan</p> <p>F2 Bahasa Rasmi Pentadbiran</p> <p>F3 Memperkasakan Bahasa Melayu dalam pendidikan</p> <p>F4 Menubuhkan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)</p> <p>F5 Peranan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)</p> <p style="text-align: right;">[Mana-mana 3 x 1 m]</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[3 m]</p>
4 (b)		<p>Jelaskan peranan Dewan Bahasa dan Pustaka dalam meningkatkan martabat Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa ilmu.</p> <p>F1 Menerbitkan buku, risalah dan majalah</p> <p>F2 Menganjurkan bengkel dan seminar</p> <p>F3 Menganjurkan pelbagai aktiviti sempena Minggu dan Bulan Bahasa Kebangsaan</p> <p>F4 Memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum</p> <p>F5 Melancarkan kempen “Bahasa Jiwa Bangsa”</p> <p style="text-align: right;">[Mana-mana 3 x 1 m]</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[3m]</p>
4 (c)		<p>“Bahasa Melayu sebagai alat perpaduan”.</p> <p style="text-align: right;"><i>Sumber : https://dewanbahasa.jendeladbp.my 09 Februari 2022</i></p> <p>Buktikan kebenaran pernyataan tersebut.</p> <p>F1 Memudahkan komunikasi seharian</p> <p>F2 Bahasa pengantar di sekolah</p> <p>F3 Bahasa rasmi</p> <p>F4 Bahasa kebangsaan</p> <p>F5 Bahasa perhubungan antara kaum</p> <p>F6 Bahasa ilmu</p> <p>F7 Bahasa Lingua Franca</p> <p>F8 Memupuk semangat kekitaan</p> <p>F9 Membentuk jati diri</p> <p>F10 Menanam semangat patriotisme</p> <p style="text-align: right;"><i>[Mana-mana jawapan munasabah]</i></p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[4m]</p>

Soalan		Butiran	Markah
5(a)		Berikan maksud nasionalisme.	
	F1	Nasionalisme ialah perasaan cinta yang mendalam terhadap bangsa dan negara	1
	F2	Nasionalisme juga diertikan sebagai semangat kebangsaan	1
	H2a	Mempunyai sikap dan pendekatan berkaitan perjuangan menentang penjajahan serta pembelaan terhadap bangsa dan negara	1
	F3	Gerakan untuk mencapai kebebasan politik, ekonomi dan sosial daripada penguasaan kuasa asing	1
	F4	Idea nasionalisme tidak sama antara negara dan zaman	1
	H4a	Idea berkait rapat dengan pengalaman sejarah dan pengaruh sekeliling	1
	C1	Seperti keturunan, agama, bahasa dan adat resam	1
			[4M]
5 (b)		Perkembangan nasionalisme di Barat telah mencetuskan Revolusi Keagungan dan Revolusi Amerika. Huraikan perjuangan kedua-dua revolusi tersebut.	
	F1	Revolusi Keagungan dikenali juga sebagai Glorious Revolution pada tahun 1688	1
	H1a	Revolusi ini memperjuangkan kedaulatan parlimen dan hak asasi rakyat	1
	F2	Ahli parlimen British telah menentang pemerintahan Raja James II yang berkuasa mutlak	1
	H2a	Mereka menentang tindakan Raja James II yang menggubal undang-undang tanpa persetujuan parlimen	1
	F3	Ahli parlimen turut disokong oleh Mary II dan suaminya Raja William of Orange dari Belanda	1
	H3a	Sokongan tersebut menyebabkan Raja James II melarikan diri ke Perancis	1
	F4	Revolusi ini dikenali sebagai Revolusi Keagungan kerana peralihan kuasa berlaku secara aman tanpa pertumpahan darah.	1
	H4a		1
	F5	Bill Of Rights digubal untuk memberikan keutamaan kepada Parlimen	1
	H5a	Tujuannya untuk parlimen menggubal undang-undang dan mengutip cukai	1
	F6	Revolusi Amerika berlaku kerana rakyat menentang penjajahan British	1
	H6a	Tindakan tersebut berlaku kerana British tidak melindungi hak rakyat Amerika	1
	F7	Rakyat Amerika menentang tindakan British mengutip cukai melalui pelbagai akta seperti Akta Setem	1
	H7a	Kutipan cukai yang dibuat ditentang rakyat Amerika kerana tiada wakil Amerika dalam parlimen British	1
	H7b	Slogan yang digunakan tiada cukai tanpa perwakilan	1
	F8	Rakyat Amerika menubuhkan kongres yang diketuai oleh George Washington	1
	H8a	Mereka turut mengisytiharkan perang terhadap British	1
	F9	Revolusi Amerika berakhir apabila British mengakui kemerdekaan Amerika Syarikat	1
			[8M]

5 (c)		<p>Petikan di bawah berkaitan semangat nasionalisme yang telah menyuntik semangat perjuangan di negara kita. Jelaskan iktibar yang diperolehi daripada pernyataan di atas.</p>	
	F1	Nasionalisme membangkitkan semangat perpaduan dalam kalangan rakyat negara kita	1
	H1a	Rakyat hidup bersatu padu antara satu sama lain dan saling bertolak ansur untuk keharmonian masyarakat	1
	C1	Hubungan baik antara masyarakat berbilang kaum seperti Melayu, Cina dan India	1
	F2	Perjuangan secara sistematik dan berorganisasi	1
	H2a	Kerjasama erat antara pemimpin dan rakyat membuahkan hasil/kejayaan	1
	C2	Pemimpin menyemai semangat patriotik dan nilai-nilai murni kepada masyarakat	1
	F3	Sentiasa mengamalkan sikap kewaspadaan yang tinggi	1
	H3a	Tidak mudah terpengaruh dengan tipu daya musuh atau negara asing	1
	C3	Bersedia mempertahankan negara daripada anasir luar	1
	F4	Perlu mempunyai sikap keberanian	1
	H4a	Menyuarakan pendapat tanpa rasa takut dan tertekan	1
	C4a	Tidak mudah menyerah kalah dan berputus asa	1
	C4b	Berusaha mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan negara terus terjamin	1
			[8M]

Soalan		Butiran	Markah
6 (a)		Perihalkan tugas Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.	
	F1	Meminta cadangan daripada semua penduduk yang berminat secara bertulis atau lisan.	1
	F2	Menerima memorandum bertulis daripada pelbagai pihak untuk diteliti.	1
	F3	Meneliti kedudukan perlembagaan bagi negeri dalam Persekutuan.	1
	F4	Menghadap Raja-raja Melayu, Menteri Besar, Penasihat British dan pegawai negeri.	1
	F5	Bermesyuarat dan melawat negeri Melayu serta Negeri-negeri Selat.	1
	F6	Mengadakan persidangan untuk membincangkan pelbagai isu.	1
	F7	Sebanyak 118 perjumpaan diadakan dari bulan Jun hingga bulan Oktober 1956.	1
	F8	Mengkaji dan membuat laporan serta cadangan membentuk perlembagaan bagi sebuah negara merdeka.	1
	F9	Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan berunding dengan pelbagai pihak.	1
	F10	Menyuarakan idea dan pandangan bagi membentuk sebuah negara merdeka yang sejahtera.	1
	F11	Sikap prihatin dan terbuka yang berterusan dizahirkan dalam penggubalan perlembagaan negara yang merdeka.	1
			[4m]
6 (b)		Beberapa langkah telah diambil sejak pembentukan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. Antaranya termasuklah mendapatkan memorandum daripada pelbagai pihak. Jelaskan.	
	F1	Sebanyak 131 memorandum bertulis diterima.	1
	H1	Memorandum ini berkaitan dengan corak pentadbiran/ kewarganegaraan/ kedudukan istimewa orang Melayu/ bahasa/ pendidikan.	1
	F2	Memorandum daripada pihak Raja-raja Melayu	1
	H2a	Raja-raja Melayu memerlukan memorandum baginda sendiri.	1
	H2b	Antaranya, baginda mencadangkan supaya Persekutuan yang merdeka mempunyai seorang Ketua Negara yang dikenali sebagai Yang di-Pertuan Agong. Yang di-Pertuan Agong harus dipilih oleh Raja-raja Melayu berdasarkan kekananan.	1
	H2c	Tempoh jawatan yang dicadangkan sebagai Yang di-Pertuan Agong ialah lima tahun.	1
	H2d	Yang di-Pertuan Agong boleh meletakkan jawatan dengan persetujuan Majlis Raja-Raja.	1
	H2e	Raja-raja Melayu melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain.	1
	H2f		1
		Memorandum daripada parti politik dan pihak awam	
	F3	Soal kewarganegaraan	1
	H3a	Parti Perikatan telah menyuarakan cadangan melalui memorandum yang dinamakan Testament Amanah Politik Perikatan.	1
	H3b	Semasa menyediakan memorandum ini, terdapat perbezaan pandangan tentang isu jus soli dalam parti Perikatan.	1
	H3c	Terdapat beberapa pihak dalam UMNO yang menolak pemberian kewarganegaraan .	1
	H3d	Dewan Perniagaan Melayu memohon mengetatkan soal kewarganegaraan.	1
	H3e	Persatuan Dewan Perniagaan Cina se-Malaya menggesa suruhanjaya membuat peruntukan bagi kewarganegaraan menerusi kelahiran.	1
	H3f	Masyarakat India menuntut kedudukan kewarganegaraan mereka diteliti.	1
	H3g	Masyarakat Serani mahu hak mereka dipertahankan.	1
	H3h	Bahasa dan Pendidikan	1

Soalan	Butiran	Markah
7 (a)	<p>Jelaskan ciri moden yang telah digabungkan dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.</p> <p>F1 Sistem Kerajaan Persekutuan 1</p> <p>H1a Diwujudkan dua bentuk kerajaan iaitu Kerajaan Persekutuan (Pusat) dan Kerajaan Negeri 1</p> <p>H1b Diberi kuasa dalam bidang tertentu / pembahagian kuasa 1</p> <p>H1c Apabila Malaysia dibentuk, Sarawak dan Sabah diberi autonomi dalam hal tertentu 1</p> <p>F2 Sistem Demokrasi Berparlimen 1</p> <p>H2a Memperkenalkan Pilihan Raya Umum 1955 1</p> <p>H2b Bertujuan memberikan kebebasan rakyat memilih wakil pemimpin / menubuhkan kerajaan 1</p> <p>H2c Suruhanjaya Pilihan Raya ditubuhkan 1</p> <p>H2d Badan ini bertanggungjawab menjalankan pilihan raya persekutuan / negeri 1</p> <p>H2e Pilihan raya persekutuan bagi memilih wakil untuk membentuk Kerajaan Persekutuan 1</p> <p>H2f Pilihan raya negeri bagi memilih wakil untuk membentuk Kerajaan Negeri 1</p> <p>F3 Kewarganegaraan 1</p> <p>H3a Kategori rakyat raja dan kerakyatan British dimansuhkan 1</p> <p>H3b Memperkenalkan satu kewarganegaraan iaitu taraf yang sama kepada semua rakyat 1</p>	<p>[6m]</p>
7 (b)	<p>Terangkan kesan pindaan perlembagaan yang dilakukan pada tahun 1963.</p> <p>F1 Perubahan dalam struktur Mahkamah Atasan 1</p> <p>H1a Diwujudkan Mahkamah Persekutuan Tanah Melayu / Sarawak / Sabah / Singapura 1</p> <p>H1b Mahkamah Persekutuan boleh mendengar persoalan / pertikaian antara kerajaan Persekutuan & Kerajaan Negeri 1</p> <p>F2 Pembentukan Mahkamah Tinggi Borneo 1</p> <p>H2a Mahkamah Tinggi Borneo diwujudkan / Mahkamah Tinggi Malaya dikekalkan 1</p> <p>H2b Menguruskan soal kehakiman di Sarawak dan Sabah 1</p> <p>H2c Jawatan Ketua Hakim Borneo diwujudkan 1</p> <p>H2d Pada 1994, jawatan ini diubah kepada Ketua Hakim Sarawak dan Sabah 1</p> <p>F3 Diperkenalkan Jawatan Yang di-Pertua Negeri di Sarawak dan Sabah 1</p> <p>H3a Dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong (YDPA) 1</p> <p>H3b Yang di-Pertua Negeri menjalankan tugasnya atas nasihat Majlis Tertinggi di Sarawak / Kabinet Negeri bagi Sabah 1</p>	<p>[6m]</p>
7 (c)	<p>Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu dipinda dari semasa ke semasa. Pada pandangan anda, sejauh manakah pindaan perlembagaan negara yang dilaksanakan memberi manfaat dalam sistem pemerintahan di negara kita ?</p> <p>Aras 4</p> <p>Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas</p> <p>Bukti / contoh sangat sesuai</p> <p>Membuat inferens yang tepat</p>	<p>7-8</p>

	<p>Jawapan yang sangat mendalam / terperinci Komunikasi / pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> - dapat menyesuaikan sistem pentadbiran dengan perkembangan politik semasa - Perlembagaan 1957 yang digubal disesuaikan berdasarkan situasi pada masa tersebut - pindaan akan sentiasa relevan dan sesuai dengan keperluan semasa - selari dengan perubahan dalam struktur masyarakat - sebagai persediaan menghadapi cabaran pemodenan / era Globalisasi - pindaan kelayakan usia mengundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun - mematangkan lagi proses pemerintahan Demokrasi Berparlimen dalam kalangan generasi muda hari ini <p>Aras 3 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti / contoh sangat sesuai Membuat inferens Jawapan mendalam Komunikasi / pengolahan menarik Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> - dapat menyesuaikan sistem pentadbiran dengan perkembangan politik semasa - Perlembagaan 1957 yang digubal disesuaikan berdasarkan situasi pada masa tersebut - pindaan akan sentiasa relevan dan sesuai dengan keperluan semasa - selari dengan perubahan dalam struktur masyarakat - sebagai persediaan menghadapi cabaran pemodenan / era Globalisasi - pindaan kelayakan usia mengundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun <p>Aras 2 Pengetahuan dan pemahaman jelas Jawapan kurang mendalam Menyatakan hujah secara ringkas Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> - dapat menyesuaikan sistem pentadbiran dengan perkembangan politik semasa - Perlembagaan 1957 yang digubal disesuaikan berdasarkan situasi pada masa tersebut - pindaan akan sentiasa relevan dan sesuai dengan keperluan semasa - selari dengan perubahan dalam struktur masyarakat - sebagai persediaan menghadapi cabaran pemodenan / era Globalisasi <p>Aras 1 Pengetahuan dan pemahaman terhad Jawapan secara umum Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> - dapat menyesuaikan sistem pentadbiran dengan perkembangan politik semasa - Perlembagaan 1957 yang digubal disesuaikan berdasarkan situasi pada masa tersebut <p>(menyalin semula teks / maklumat)</p>	<p>5-6</p> <p>3-4</p> <p>1-2</p>
--	---	----------------------------------

Soalan		Butiran	Markah
8 (a)		Mengapakah peristiwa rusuhan tersebut berlaku? [4 markah]	
	F1	Ketidakseimbangan taraf hidup antara kaum	1
	H1	Pencapaian ekonomi dan sosial berbeza	1
	F2	Keputusan Pilihanraya Umum Ketiga 1969	1
	H2a	Menimbulkan ketegangan ketika berkempen	1
	H2b	Parti politik menyentuh sensitiviti kaum tertentu	1
	H2c	Menggunakan isu perkauman	1
	H2d	Membangkitkan sentimen keagamaan	1
	H2e	Perarakan selepas kemenangan pilihan raya	1
	H2f	Menimbulkan kekacauan	1
	H2g	Parti politik memprovokasikan parti lawan	1
	F3	PKM mengambil kesempatan Pilihan raya	1
	H3	Mempengaruhi penduduk supaya bermusuhan antara kaum	1
			[4m]
8 (b)		Bagaimanakah kerajaan mengatasi peristiwa rusuhan itu daripada merebak ke kawasan lain? [8 markah]	
	F1	Pengisytiharan perintah darurat	1
	H1a	Perlembagaan negara digantung	1
	H1b	Parlimen ditangguhkan	1
	H1c	Mewujudkan pusat perlindungan di beberapa tempat	1
	F2	Pelaksanaan perintah berkurung	1
	H2a	Orang ramai tidak dibenarkan keluar	1
	H2b	Dikehendaki tinggal di kediaman masing-masing	1
	F3	Penubuhan jawatankuasa	1
	H3a	Menyusun semula perkhidmatan penerangan kerajaan	1
	H3b	Berita pihak media ditapis	1
	H3c	Memastikan kesahihannya	1
	F4	Penubuhan pusat perlindungan	1
	H4a	Memastikan penduduk memperoleh bekalan makanan	1
	H4b	Mangsa rusuhan dipindahkan ke pusat perlindungan	1
	C4	Di Stadium Merdeka / Tiong Nam Settlement	1
	H4c	Memagar kawasan Kampung Baru	1
	H4d	Menjadikan kawasan perintah berkurung yang besar	1
	H4e	Kem tentera juga dijadikan tempat perlindungan di bawah kawalan tentera	1
	F5	Penubuhan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN)	1
	H5a	Terdiri daripada pengawai kerajaan / pengawai tinggi polis / tentera,	1
	H5b	Diberikan kuasa memerintah semasa darurat	1
	H5c	Bertanggungjawab mengawal ketenteraman negara	1
	H5d	Menyelesaikan masalah perpaduan	1
	H5e	Mengatasi ketidakseimbangan ekonomi antara kaum	1
	F6	Peranan Raja-raja Melayu	1
	H6a	Sultan Perak menasihati rakyat menjaga keamanan	1
	H6b	Menubuhkan Jawatankuasa Muhibah	1
	H6c	Dianggotai oleh pemimpin masyarakat	1

	<p>Aras 2</p> <p>Pengetahuan dan pemahaman jelas</p> <p>Jawapan kurang mendalam</p> <p>Menyatakan hujah secara ringkas</p> <p>Contoh :</p> <ul style="list-style-type: none"> - suasana akan menjadi huru-hara - menjejaskan keamanan. - menjejaskan keselamatan dalam negeri - menjejaskan kestabilan politik, ekonomi dan sosial negara 	3 – 4
	<p>Aras 1</p> <p>Pengetahuan dan pemahaman terhad</p> <p>Jawapan secara umum</p> <p>Contoh :</p> <ul style="list-style-type: none"> - suasana akan menjadi huru-hara - menjejaskan keamanan 	1 – 2

Soalan	Butiran	Markah
9 (a)	Bagaimanakah cara negara maju mengekalkan dominasi ekonomi?	
F1	Mengenakan pelbagai sekatan / halangan perdagangan	1
H1	dalam bentuk tarif dan cukai	1
F2	Kempen memburukkan produk negara lain	1
F3	Membentuk blok ekonomi	1
F4	Menetapkan harga pasaran	1
F5	Spekulasi mata wang	1
		[3m]
9 (b)	Malaysia telah menjalankan pelbagai usaha untuk membangunkan ekonomi di peringkat serantau dan antarabangsa. Buktikan	
F1	Meluaskan pasaran ekonomi	1
H1a	Meningkatkan perdagangan sesama negara ASEAN	1
H1b	Menandatangani Perjanjian AFTA pada 1992	1
H1c	Kerjasama ekonomi dalam kalangan negara ASEAN	1
H1d	Menjadikan ASEAN tempat produksi yang kompetitif	1
H1e	Mengurangkan tarif dan cukai	1
F2	Lantang bersuara menentang dominasi ekonomi negara maju	1
H2a	Menuntut tiada sekatan perdagangan	1
H2b	Membangkitkan bantahan dalam forum Antarabangsa	1
C1	PBB/APEC	1
F3	Melancarkan kerjasama Pembangunan Ekonomi Segi Tiga	1
H3a	Membangunkan wilayah baharu	1
H3b	Melibatkan Indonesia-Malaysia-Thailand	1
H3c	Memajukan wilayah terlibat / keuntungan bersama	1
F4	Menangani kemelesetan ekonomi	1
H4a	Menambat kadar pertukaran ringgit kepada dolar	1
H4b	Kadar RM3.80 bagi USD1	1

		<p>Aras 2</p> <p>Pengetahuan dan pemahaman jelas Jawapan dihuraikan tetapi terhad Komunikasi / pengolahan kurang menarik</p> <p>Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> - menambat kadar pertukaran ringgit kepada dolar - kadar RM3.80 bagi USD1 - rakyat yang keluar negara boleh membawa mata wang asing - maksimum RM10 000 - ringgit tidak dibenarkan diurus niaga di luar negara <p>Aras 1</p> <p>Pengetahuan dan pemahaman yang terhad Jawapan mudah dan umum</p> <p>Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> - rakyat yang keluar negara boleh membawa mata wang asing - ringgit tidak dibenarkan diurus niaga di luar negara - RM3.80 bagi USD1 	<p>3-4</p> <p>1-2</p> <p>[8m]</p>
--	--	--	-----------------------------------

- SKEMA JAWAPAN TAMAT -